

SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)
FELDA TROLAK UTARA, MUKIM SUNGKAI, PERAK (DAERAH BATANG PADANG)
BERKUATKUASA 2 JUN 2021

Dikemaskini pada 2 Jun 2021

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan rawatan kesihatan

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

Waktu Berkuat kuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>					
	Tindakan	Penerangan Ringkas			
	Kawasan Yang Terlibat	Felda Trolak Utara, Mukim Sungkai, Perak (Daerah Batang Padang).			
	Tempoh Kuat kuasa	2 Jun 2021 (12.01 pagi) sehingga 15 Jun 2021 (11.59 malam).			
	Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM, RELA & PBT. Laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup dan dikawal kemasukan oleh PDRM. Semua penduduk di dalam kawasan PKPD TIDAK DIBENARKAN keluar dari kediaman/tempat tinggal masing-masing. Pergerakan keluar masuk ke dalam kawasan PKPD adalah TIDAK DIBENARKAN. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan case to case basis. Bagi penduduk yang bekerja, majikan dipohon untuk mengambil maklum akan perintah ini dan membenarkan bekerja dari rumah (<i>work from home</i>). Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, DIBENARKAN setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM. Perkhidmatan penghantaran (<i>food panda & grab</i>) adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKPD. 			
	Saluran Makanan dan Keperluan	<ul style="list-style-type: none"> Keperluan asas bantuan bekalan akan disalurkan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Batang Padang dan diagihkan oleh APM dan RELA. Sumbangan keperluan makanan dari NGO, ADUN kawasan dan lain-lain akan diselaraskan oleh PKOB Daerah Batang Padang. 			
	Aktiviti Dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau, rekreasi dan budaya adalah TIDAK DIBENARKAN. Saringan secara bersasar kepada penduduk di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM. Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan. 			